

SEMPENA KEMERDEKAAN NEGARA KE 49

Negara merupakan satu institusi penting dalam masyarakat Islam di mana kewujudan negara itu sendiri merupakan *thariqah* (*method*) untuk melaksanakan hukum syara' di dalam masyarakat. Islam datang menjaga keharmonian umatnya dan mempersatukan mereka dalam satu negara, Daulah Khilafah. Banyak nas yang melarang umat Islam membelot atau menentang Negara. Islam juga mengharamkan umatnya berpecah dan mewujudkan negara secara sendiri-sendiri sebagaimana yang berlaku sekarang. Dalam menjaga keutuhan Negara, Islam meletakkan bahawa tindakan berpaling tadah dari Khalifah yang sah boleh diperangi dengan kekuatan senjata. Allah berfirman, *"Dan kalau ada dua golongan dari mereka yang beriman itu berperang hendaklah kamu damaikan antara keduanya. Jika salah satu dari kedua golongan itu berbuat aniaya terhadap golongan yang lain, maka perangilah golongan yang berbuat aniaya itu sehingga golongan itu kembali kepada perintah Allah. Jika golongan itu telah kembali, maka damaikanlah antara keduanya dengan adil, dan berlaku adillah. Sesungguhnya Allah mencintai orang-orang yang berlaku adil."* [TMQ Al-Hujurat (49):9]

Keutuhan umat ini telah terburai dengan berpecahnya negara-negara umat Islam kepada lebih 50 buah negara. Jatuhnya Khilafah Uthmaniyyah pada 3 Mac 1924 telah meleraikan perpaduan dan keutuhan umat Islam satu dunia. Tiada lagi sang pembela yang dapat melindungi dan menjaga kesatuan negara dan umat Islam. Pemimpin yang ada sekarang sebaliknya hanya menjaga kepentingan negara masing-masing di atas asas assabiyyah dan wathaniyyah. Oleh sebab itulah kita menyaksikan umat Islam yang berjumlah 1.4 bilion ternyata hanya mampu menjadi penonton kepada kekejaman dan kerakusan tentera Israel yang penduduknya hanya berjumlah 6.3 juta orang. Inilah natijah dari kebaculan para pemimpin kaum Muslimin yang di dalam benak pemikiran mereka penuh dengan bisikan dan hasutan syaitan. Hanya Allah jualah yang Maha Membalas dosa-dosa mereka yang membiarkan darah umat Islam tumpah ke bumi tanpa sebarang pembelaan.

Islam Sebagai Rahmat Bagi Sekalian Alam

Wahai kaum Muslimin! Diutusnya Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa Sallam adalah sebagai rahmat bagi sekalian alam. Cahaya Allah bersinar menerangi dunia apabila hukum Allah diterapkan. Rahmat Allah tersebar ke seluruh penjuru alam setelah Islam memerintah dunia. Allah Azza wa Jalla berfirman, *"Dan kami turunkan dari Al-Quran suatu yang menjadi penawar dan rahmat bagi orang-orang yang beriman dan Al-Quran itu tidaklah menambah kepada orang-orang yang zalim selain kerugian."* [TMQ Al-Isra' (17):82]. Syeikh Taqiyuddin An-Nabhani berkomentar terdapat nas yang menyatakan bahawa pengutusan Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa Sallam adalah rahmat untuk sekalian alam, dan ada nas yang menyatakan bahawa Al-Quran adalah penawar dan rahmat, yang sebenarnya memberikan pengertian bahawa Islam adalah rahmat kepada hamba-hamba Allah. Cuma perlu diingat bahawa rahmat syariat Islam untuk sekalian alam adalah natijah dari pelaksanaannya, bukannya menjadi penyebab bagi hukum ini [Shaksyiah Islamiah, ms 359].

Saat ini, suatu yang pasti adalah hukum-hukum di dalam Al-Qur'an dan As-Sunnah tidak diterapkan oleh mana-mana negara pun. Oleh itu, bagaimana mungkin rahmat Allah akan tercurah ke seluruh alam jika sistem yang memerintah dunia adalah Sistem Sekular ciptaan manusia, malah berasal dari Barat. Yang tragisnya, terdapat pemerintah sekular yang mengatas namakan Maqasid Syariah, lalu menghalalkan tindakan mereka di dalam menerapkan sistem kufur ini (kononnya sistem sekular yang mereka ambil sesuai dengan Islam). Maqasid Syariah juga digunakan untuk menghalalkan idea-idea kufur yang diterapkan di dalam negara seperti kebebasan beragama, bertingkah-laku, berekonomi dan bersuara, kerana dikatakan tidak bertentangan dengan Islam. Inilah system kufur Jahiliyyah yang diterapkan di negara-negara umat Islam pada hari ini, termasuklah negara kita ini!

"Dan Tuhanmu mewahyukan kepada lebah, 'Buatlah sarang-sarang di bukit-bukit, dipohon-pohon kayu, dan di rumah-rumah yang didirikan manusia,' kemudian makanlah dari tiap-tiap (macam) buah-buahan dan tempuhlah jalan Tuhanmu yang telah dimudahkan (bagimu). Dari perut lebah itu keluar minuman (madu) yang bermacam-macam warnanya, di dalamnya terdapat obat yang menyembuhkan bagi manusia. Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda (kebesaran Tuhan) bagi orang-orang yang memikirkan." Makjud Surah An-Nahl ayat 68 dan 69



Wahai kaum Muslimin! Mengembalikan semula hukum Islam adalah kewajiban kita semua. Menegakkan semula Khilafah adalah juga merupakan kewajiban ke atas kita semua. Selagi kita masih terbelenggu dengan kehidupan Jahiliyyah, selagi itulah cahaya Allah tidak akan sampai kepada kita. Selama mana kita tidak berusaha untuk menegakkan hukum-hukum Allah di muka bumi ini, selama itulah bumi ini akan melaknat kita di atas dosa-dosa yang kita lakukan. Bumi yang kita pijak inilah yang kelak akan menjadi saksi di atas segala kesalahan, kezaliman dan dosa kita yang membiarkan manusia melakukan kerosakan di atasnya. Saudaraku, kita adalah orang-orang yang dianugerahkan oleh Allah dengan akal dan kekuatan. Bangkit dan berjuanglah demi untuk menyelamatkan diri kita dari api neraka. Kehidupan dunia ini hanyalah sementara, sebagai tempat persinggahan untuk kita tunduk dan patuh kepada perintahNya, di dalam perjalanan kita mencari kebahagiaan di alam abadi. Justeru, bersama-samalah kita bergerak untuk mengembalikan semula kehidupan Islam dengan mengikuti jalan yang telah ditunjukkan oleh Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa Sallam iaitu dengan mendirikan Daulah Islamiyyah, sebuah pemerintahan yang diredhai oleh Allah, yang dengannya, akan kembalilah rahmat Allah ke alam ini dan seterusnya menyelamatkan kita dari azabNya di alam yang akan datang. Inilah erti kemerdekaan yang sebenarnya. *Wallahu a'lam.*

PESANAN

Kami dengan rendah diri memohon kerjasama sdr/sdri. sekalian agar menyimpan Buletin ini ditempat yang sesuai demi menjaga Kesucian Agama Islam dan keberkatan ilmu yang disampaikan

– Biro Penerbitan & Penerangan

Beberapa hadis Rasulullah saw menunjukkan kelebihan bulan Syaaban: 1. Sayidatina Aisyah r.a. menyatakan, tidak pernah Rasulullah SAW berpuasa lebih banyak melainkan dalam bulan Sya'aban (selain bulan Ramadhan); sesungguhnya baginda SAW telah berpuasa sebulan penuh. (Hadis riwayat Bukhari dan Muslim)

2. Usman bin Zaid menceritakan: "Saya telah bertanya kepada Rasulullah SAW, wahai Rasulullah, saya tidak pernah menyaksikan banyaknya puasa tuan pada lain-lain bulan seperti Bulan Sya'aban; lalu baginda menjawab, itulah bulan (Sya'aban) dimana ramai manusia lalai mengenainya iaitu diantara Rejab dan Ramadhan; ini adalah bulan dimana segala amalan diangkat kepada Tuhan pemilik sekalian alam. Oleh itu saya (baginda) amat suka kiranya amalan saya diangkat ketika saya sedang berpuasa. (Hadis riwayat Imam Ahmad dan An-Nasai)

3. Sayidina Aishah r.a. menceritakan, Rasulullah SAW telah bersabda: "Sesungguhnya Allah Ta'ala turun pada malam pertengahan (nisfu) Sya'aban ke langit dunia dan mengampunkan dosa-dosa orang lebih banyak dari bilangan bulu-bulu kambing Bani Kalb." Hadis riwayat Al-Tarmizi dan Ibnu Majah

4. Rasulullah juga pernah bersabda yang bermaksud: "Sya'aban adalah bulanku dan Ramadhan adalah bulan umatku. Sya'aban mengkafarakan (menghapuskan) dosa dan Ramadhan menyucikan dosa (jasmani dan rohani)."

5. Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: "Dinamakan Sya'aban kerana dalam bulan tersebut terdapat amat banyak kebajikan; dan puasa yang lebih afdhal ialah puasa dalam bulan Sya'aban."

6. Sabda Rasulullah SAW bermaksud, apabila tiba malam Nisfu Sya'aban, maka pada malam tersebut berjagalah kamu dengan mendirikan solat, beribadat dan berpuasa pada siangnyanya. Allah SWT berfirman, "Sesiapa yang meminta ampun maka Aku mengampunkannya, mereka yang ditimpa bala bencana Aku lepaskannya, mereka yang meminta rezeki Aku berikan rezekinya."

7. Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: "Kelebihan Rejab atas bulan-bulan yang lain adalah seperti kelebihan Al-Quran atas qalam. Kelebihan Sya'aban atas bulan-bulan yang lain seperti kelebihan atas nabi-nabi. Kelebihan Ramadhan atas bulan-bulan lain seperti kelebihan Allah atas sekalian makhluk Nya."

8. Sabda Rasulullah SAW bermaksud bahawa Allah SWT memerhatikan hamba-hamba Nya pada malam Nisfu Sya'aban, maka diampunkan dosa sekalian makhluknya kecuali orang yang menyengutukan Allah dan orang yang tidak mahu bercakap sesama saudaranya (sesama Islam)

9. Diriwayatkan daripada Ka'abul-Akbar bahawa Allah SWT telah mengutus Malaikat Jibril pada malam Nisfu Sya'aban ke Syurga. Allah SWT memerintahkan supaya Syurga dihiasi seindah-indahnya. Malaikat Jibril berkata kepada syurga, sesungguhnya Allah SWT telah memerdekakan ahli neraka pada malam ini sebanyak bilangan bintang-bintang di langit, sebanyak jumlah hari dunia dan malamnya, sebanyak daun-daun pokok, seberat gunung-gunung dan sebanyak-banyak pasir."

10. Khalifah Umar Abdul Aziz telah memberitahu wakilnya di Basrah: "Hendaklah kamu perhatikan empat malam dalam satu tahun, kerana sesungguhnya Allah SWT membukakan pintu rahmatNya dengan seluas-luasnya iaitu malam pertama bulan Rejab, malam Nisfu Sya'aban, malam Aidil-Fitri dan malam Aidil-Adha.

Antara Amalan-amalan Bulan Sya'aban

1. Mengerjakan Puasa Sunat
2. Melaksanakan Solat Sunat Nisfu Sya'aban (malam 15 Syaaban)
3. Memperbanyakkan Istigfar
4. Berzikir, Bertasbih, Berselawat pada setiap hari
5. Memperbanyakkan Sedekah dan membaca Al-Quran Wallahuualam.

Berserak kain baju / kueh raya...

Kini kita melangkah kebulan kelapan dalam kalender Islam iaitu Bulan Sya'aban. Sya'aban ertinya 'berserak-serak'. Bulan Sya'aban bulan berserak-serak. Dinamai demikian kerana dalam bulan ini bangsa Arab dahulu berserak-serak pergi ke lembah-lembah mencari air kerana pada bulan ini biasanya mereka kekurangan air.

Didalam keterangan yang lain dikatakan, sebab dinamakan Sya'aban kerana pada bulan ini terdapat berserak-serak (banyak) kebajikan yang harus direbut oleh umat Islam. Dalam bulan ini kita digalakan berdoa agar dapat bertemu bulan Ramadhan al-Mubaraq, membersihkan jiwa dan hati, bertaubat, meningkatkan amalan soleh, menyemak kembali hukum-hukum berkaitan puasa, menyediakan agenda sepanjang bulan puasa dan sebagainya. Inilah juga tempoh terakhir bagi mereka yang belum menggada' puasa yang lalu.

Anehnya dalam masyarakat kita hari ini, yang berserak-serak adalah kain baju untuk persiapan hari raya. Pergilah kemana-mana tukang jahit, semuanya penuh dengan tempahan baju raya malah sesetengahnya sudah tidak mahu lagi menerima lantaran terlalu banyaknya tempahan. Satu lagi yang banyak berserak adalah 'sampil' kueh raya. Sya'aban sepatutnya digunakan untuk melatih diri bagi persiapan menghadapi Ramadan (puasa) bukannya Syawal (hari raya), wallahuualam - pengarang

Syaaban, bulan persediaan menyambut Ramadhan al-mubarak

Insa' Allah bulan Ramadhan akan menjelang tiba tidak beberapa lama lagi. Bagaimanakah persiapan dan persediaan kita?

Marilah kita merenung dan mengamalkan saranan/nasihat yang diutarakan oleh Prof T. M. Hasbi As Siddiqieq mengenai persediaan-persediaan yang harus diambil dalam bulan Sya'aban bagi menghadapi kedatangan Ramadhan:

- Mengulangkaji kembali pelajaran/pengetahuan kita yang ada hubungkait dengan ibadat puasa di dalam bulan Ramadhan, agar ibadat puasa kita nanti dapat dilaksanakan dengan penuh pengetahuan, pemahaman dan ikhlas.
- Memperlihatkan kepada sesama kita kesenangan perasaan hati dan ketenteraman jiwa dalam menghadapi Ramadhan.
- Memperbanyakkan doa' semuga Allah s.w.t. memberikan tenaga, kelapangan dan kesempatan mengerjakan puasa; dan semuga Allah s.w.t. mentaufiqkan kita supaya dapatlah kita menunaikan puasa itu dengan hati yang jujur dan ikhlas, serta terjauh dari riak, ujub, sum'ah dan segala rupa penyakit yang boleh menghilangkan pahala puasa.
- Menguatkan semangat dan himmah kita untuk menjalankan latihan dengan sempurna agar kita memperoleh kesan-kesan yang dimaksudkan dan diharapkan dari latihan suci itu, iaitu latihan jihad memerangi hawa nafsu serta tamak haloba. Sebaliknya menghiaskan diri dengan budi yang tinggi serta pekerti yang luhur.
- Hendaklah kita menjaga/menyediakan diri untuk menjaga/merawat bibit-bibit yang (sewajarnya) kita semai dibulan Ramadhan supaya kita tidak kerugian dan menggigit jari ketika berhadapan dengan Allah s.w.t kelak.
- Hendaklah bertekad tidak akan memberatkan/membebankan diri/keluarga menjelang Ramadhan kelak, khususnya dalam perkara tradisi suka berbelanja (untuk berbuka puasa atau persiapan menyambut hari raya).
- Hendaklah kita bersedia dengan benar-benar bersedia menerima kedatangan Ramadhan – bersedia dengan penuh harapan akan rahmat serta nikmat Allah s.w.t yang tidak terkira banyaknya.
- Untuk merealisasikan semua di atas marilah kita sentiasa berdampingan dan merujuk kepada ulama' dan guru-guru yang bertaullah serta menghadiri kuliah-kuliah agama dan kelas pengajian. Semuga kita semua sentiasa dirahmati Illahi.

ENGLISH CORNER

The Word of Islam ?

The Most Selfish One-Letter Word "I" - Avoid It

[(Abundant) was the produce this man had : he said to his companion, in the course of a mutual argument: "more wealth have I than you, and more honour and power in (my following of) men." (Surah Al Kahf 18:34)]

The Most Satisfying Two-Letter Word "WE" - Use It

[Say: "Shall we indeed call on others besides Allah,- things that can do us neither good nor harm,- and turn on our heels after receiving guidance from Allah. - like one whom the evil ones have made into a fool, wandering bewildered through the earth, his friends calling, come to us', (vainly) guiding him to the path." Say: "(Allah)'s guidance is the (only) guidance, and we have been directed to submit ourselves to the Lord of the worlds;"To establish regular prayers and to fear Allah. for it is to Him that we shall be gathered together." Surah Al An'am 6:71-72]

The Most Poisonous Three-Letter Word "EGO" - Kill It

[He said: "This has been given to me because of a certain knowledge which I have." Did he not know that Allah had destroyed, before him, (whole) generations,- which were superior to him in strength and greater in the amount (of riches) they had collected? but the wicked are not called (immediately) to account for their sins. Surah Al Qasas 28:78]

The Most Used Four-Letter Word "LOVE" - Value It

[And among His Signs is this, that He created for you mates from among yourselves, that ye may dwell in tranquillity with them, and He has put love and mercy between your (hearts): verily in that are Signs for those who reflect. (Surah Al Rum 30:21)]

The Most Pleasing Five Letter Word "SMILE" - Keep It

[That it is He Who granteth Laughter and Tears; (Surah Al Najm 53:43)]

The Fastest Spreading Six-Letter Word "RUMOUR" - Ignore It

[O ye who believe! Avoid suspicion as much (as possible): for suspicion in some cases is a sin: And spy not on each other behind their backs. Would any of you like to eat the flesh of his dead brother? Nay, ye would abhor it...But fear Allah. For Allah is Oft-Returning, Most Merciful. (Surah Al Hujurat 49:12)]

The Hardest Working Seven Letter Word "SUCCESS" - Achieve It

[By men whom neither traffic nor merchandise can divert from the Remembrance of Allah, nor from regular Prayer, nor from the practice of regular Charity: Their (only) fear is for the Day when hearts and eyes will be transformed (in a world wholly new), That Allah may reward them according to the best of their deeds, and add even more for them out of His Grace: for Allah doth provide for those whom He will, without measure. (Surah Al Nur 24:37-38)]

The Most Envious Eight-Letter Word "JEALOUSY" - Distance It

[They said: "Truly Joseph and his brother are loved more by our father than we: But we are a goodly body! really our father is obviously wandering (in his mind)! "Slay ye Joseph or cast him out to some (unknown) land, that so the favour of your father may be given to you alone: (there will be time enough) for you to be righteous after that!" (Surah Yusuf 12:8-9)]

The Most Powerful Nine-Letter Word "KNOWLEDGE" - Acquire It (of Allah & the Holy Qu'ran)

[By the Qur'an, full of Wisdom,- Surah Ya Sin 36:2]
[We have sent it down as an Arabic Qur'an, in order that ye may learn wisdom. Surah Yusuf 12:2]

The Most Essential Ten-Letter Word "CONFIDENCE" - Trust It (Trust in Allah's Guidance)

[Those who believe, and work righteousness,- their Lord will guide them because of their faith: beneath them will flow rivers in gardens of bliss. Surah Yunus 10: 9];
[Say: "Nothing will happen to us except what Allah has decreed for us: He is our protector": and on Allah let the Believers put their trust. Surah Al Tawbah 9:51]



ISLAM

Islam is a way of life, try it.
Islam is a gift, accept it.
Islam is a journey, complete it.
Islam is a struggle, fight for it.
Islam is a goal, achieve it.
Islam is an opportunity, take it.
Islam is not for sinners, overcome it.
Islam is not a game, don't play with it.
Islam is not a mystery, behold it.
Islam is not for cowards, face it.
Islam is not for the dead, live it.
Islam is a promise, fulfill it.
Islam is a duty, perform it.
Islam is a treasure (the Prayer), pray it.
Islam is a beautiful way of life, see it.
Islam has a message for you, hear it.
Islam is love, love it.

Remember My Brothers And Sisters
That We Have So Much To Be
Thankful For; No Matter What They
Say, ISLAM Is The Worlds Fastest
Growing Religion, Please Remember
Me In Your Prayers. MAY ALLAH
BLESS YOU ALL (AMIN)

reminder...

I knelt to pray but not for long,
I had too much to do.
I had to hurry and get to work
For bills would soon be due.
So I knelt and said a hurried prayer,
And jumped up off my knees.
My Muslim duty was now done
My soul could rest at ease.
All day long I had no time
To spread a word of cheer.
No time to speak of Allah to friends,
They'd laugh at me I'd fear.
No time, no time, too much to do,
That was my constant cry,
No time to give to souls in need
But at last the time, the time to die.
I went before the Lord,
I came, I stood with downcast eyes.
For in his hands God held a book;
It was the book of life.
God looked into his book and said
Your name I cannot find.
I once was going to write it down...
But never found the time"
Now do you have the time to pass it on?

HEALTHCARE TIPS

Reducing your cholesterol

To reduce cholesterol:

- First cut down on saturated fats. To do this:
- Eat lean meat. Select lean cuts and ask your butcher to cut off the fat.
- Drink skim milk instead of whole milk.

Do the same for all dairy products. Note that vegetarians have a much lower cholesterol level (almost twice as low as average) which is perfectly understandable, since cholesterol is only found in products derived from animals.

- Do regular exercise, for example walking.
- Take Vitamin E. It reduces the risk of coronary disease.

· Calcium brewer's yeast, Vitamin C and Vitamin B-6 also combat the accumulation of cholesterol. And don't forget lecithin, which helps fight excess cholesterol, arteriosclerosis, hypertension

Petikan Al-Quran/Hadith

"Hai manusia, bertakwalah kepada Tuhanmu dan takutlah suatu hari yang (pada hari itu) seorang bapak tidak dapat menolong anaknya dan seorang anak tidak dapat (pula) menolong bapaknya sedikitpun. Sesungguhnya janji Allah adalah benar, maka janganlah sekali-kali kehidupan dunia memperdayakan kamu, dan jangan (pula) penipu (syaitan) memperdayakan kamu dalam (mentaati) Allah." Maksud Surah Luqman ayat 33.

Intisari Kuliah Ustaz Ramadan pada 24hb Julai 2006

• Apa itu Taqwa?

Secara umumnya Taqwa ialah melakukan dan menyempurnakan segala perintah Allah dan meninggalkan segala bentuk larangannya.

• Ciri-ciri orang bertaqwa :-

- 1) gerun & takut pada Allah; kita tak akan gentar & takut pada makhluk-makhluk Allah yang lain;
- 2) mengamalkan segala apa yang diperintahkan & diturunkan berdasarkan Al-Quran & hadis nabi;
- 3) sentiasa menyediakan bekalan untuk hari akhirat kelak. Setiap tindak-tanduknya dan perbuatannya bukanlah untuk di gunakan didunia semata tetapi untuk hari akhirat nanti;
- 4) ada sifat redha, pasrah dan qana'ah iaitu sifat bersyukur dengan setiap pemberian Allah, walaupun pemberian Allah itu kecil. Bersifat syukur dengan pemberian Allah dalam sifat rezeki, kesihatan atau malapetaka dan lain lain lagi.

• Ciri-ciri muslim ada 3 peringkat :-

1. Orang yang mengucap dua kalimah shahadat; Orang ini kekal Muslim;
2. Muslim, pada ketika yang sama dia Mukmin; maksudnya orang ini beriman, meraka ini menurut segala perintah Allah (berlandaskan al-quran dan hadis) dan meniggalkan segala larangan Allah;
3. Mohsin, mereka yang ada sifat ehsan dalam diri mereka; sifat ehsan merupakan sifat yang lebih tinggi dari imannya;

• Kelebihan orang-orang yang bertaqwa ini :-

- 1) Barangsiapa yang bertaqwa kepada Allah, nescaya Allah akan beri jalan keluar kepada segala musibah yang melanda dirinya;
- 2) Barangsiapa yang bertaqwa kepada Allah, nescaya Allah akan menjadi sebagai pelindung dari segala musibah dan malapetaka yang melanda dirinya;
- 3) Barangsiapa yang bertaqwa kepada Allah, maka Allah akan mengampunkan segala dosanya dan meringankan dosa-dosanya maka hatinya akan sentiasa tenang kerana bila Allah mengampunkan dosanya menunjukkan Allah sayang kepadanya;
- 4) Bila sesiapa yang bertaqwa kepada Allah maka dia akan merasakan cukup Allah sebagai tempat pergantungannya dan dia tak nak bergantung kepada perkara-perkara lain yang ada didunia ini;

Catatan diambil oleh: Norhanizah (26/08/06)

Intisari Kuliah Ustaz Mazlan pada 20hb June 2006

• Manusia pada akhir zaman ini suka pada 5 perkara berikut dan manusia itu juga melupakan 5 perkara berikut:-

- 1) mereka ini amat suka dengan duniawi, maknanya suka dan leka dengan kemewahan, kesenangan, kebendaan, hiburan dan lain lain lagi tapi dalam waktu yang sama mereka ini lupa pada alam akhirat, tempat dimana mereka ini akan dikembalikan;
- 2) mereka ini amat suka dengan harta-benda, tak pernah rasa cukup dengan harta benda yang mereka peroleh sekarang, terus menerus mencari harta dan sentiasa terus memburu kekayaan. Disini mereka lupa dengan sifat yang patut mereka ada iaitu sifat qana'ah iaitu sifat "cukup" dan sifat bersyukur dengan apa yang Allah telah berikan.
- 3) mereka ini suka kepada ciptaan dunia iaitu mereka suka tengok pemandangan laut, suka melancong ke luar negara, suka panjat gunung dan lain-lain lagi, tetapi dimasa yang sama mereka lupa kepada penciptanya. Mereka sepatutnya mengagumi Penciptanya bukan mengagumi pemandangan nya yang menarik saja.
- 4) mereka ini suka sangat melakukan kesalahan, dosa dan maksiat tetapi dimasa yang sama mereka lupa untuk bertaubat kepada Allah.
- 5) mereka ini suka pada rumah-rumah/mahligai yang besar, meluaskan lagi rumah yang mereka ada sekarang dengan alasan rumah mereka kecil tetapi dimasa yang sama mereka lupa untuk meluaskan rumah-rumah mereka yang kekal kelak iaitu alam kubur.

• 7 tanda-tanda yang kita takut pada Allah :-

- 1) lihat pada lidah kita iaitu lisan dimana kita sentiasa menghindarkan lidah dari berdusta dan mengumpat dan lidah digunakan untuk kata-kata yang baik saja dan banyak berzikir kepada Allah. Jika tiada perkara yang nak diperkatakan lebih baik berdiam diri saja.
- 2) lihat pada hati kita, dimana kita sentiasa membuang perasaan hasad dengki dan khianat pada orang lain. Jika ada perasaan hasad dengki pada orang lain maka segala amal kebaikan yang kita buat selama ini akan menjadi sia-sia saja.
- 3) lihat pada mata kita iaitu pandangan dimana kita sentiasa menghindarkan mata kita dari melihat makanan, minuman, pakaian dan benda-benda yang haram.
- 4) Lihat pada perut kita dimana kita sentiasa menghindarkan perut kita dari memasukkan makanan-makanan yang haram dan mengelakan memakan makanan dari sumber-sumber yang haram juga.
- 5) Lihat pada tangan kita dimana kita sentiasa menggunakan tangan kita untuk melakukan perkara-perkara yang menuju ke jalan Allah;
- 6) Lihat pada kaki kita dimana kita sentiasa menghindarkan kaki kita dari menjejak tempat-tempat yang ada kemaksiatan berlaku. Kaki ini hanya melangkah menuju kejalan Allah;
- 7) Lihat pada ketaatan dan keikhlasan diri kita ini dimana kita sentiasa dan berterusan mengingati Allah.

Nota : Allah tidak pandang pada 2 jenis manusia ini :-

- 1) Seorang lelaki yang membawa ekor ikan pari lalu melibas-libaskan ekor pari itu kearah dirinya iaitu melambangkan dirinya seorang samseng.
- 2) Seorang perempuan yang sanggup rambutnya seperti bongol unta iaitu melambangkan dirinya seorang ratu cantik.

Catatan diambil oleh : Norhanizah Mohamad

Jadual Pengajian Maghrib Surau Al Ulum KD9

Tarikh	Pengajar	Subjek
01/08 (Jumaat)	Ust. Zaharuddin	Umum
02/08 (Sabtu)	Ust. Syed Nazli (Penang)	Umum
03/08 (Ahad)	Ust. Muhadir Joll (UIA)	Tasauf
04/08 (Isnin)	Ust. Hamzah	Tauhid
05/08 (Selasa)	Ust. Mazlan Khamis	Hadis Qudsi
06/08 (Rabu)	Ust. Kamal Mahadi (KISAS)	Tafsir
07/08 (Khamis)	NISFU SYA'ABAN	
08/08 (Jumaat)	Ust. Khairuzaman	Tauhid
09/08 (Sabtu)	Ust. Abd Wahab Ali (Indonesia)	Tazkirah
10/08 (Ahad)	Ust. Muhadir Joll (UIA)	Tasauf
11/08 (Isnin)	Ust. Halim Din (PZS)	Hadith
12/08 (Selasa)	Ust. Hamim	Ulumul Quran
13/08 (Rabu)	Ust. Zainuddin Abu Bakar	Feqah
14/08 (Khamis)	YAASIN/TAHLIL	-
15/08 (Jumaat)	Ust. Azizi (As-Sahabah)	Feqah)
16/08 (Sabtu)	Ust. Osman	Kisah Nabi
17/08 (Ahad)	Ust. Muhadir Joll (UIA)	Tasauf
18/08 (Isnin)	Ust. Hamzah	Tauhid
19/08 (Selasa)	Ust. Mazlan Khamis	Hadis Qudsi
20/08 (Rabu)	Ust. Kamal Mahadi (KISAS)	Tafsir
21/08 (Khamis)	YAASIN/TAHLIL	-
22/08 (Jumaat)	Ust. Khairuzaman	Tauhid
23/08 (Sabtu)	AWAL RAMADAN	
24/08 (Ahad)	Dato' Dr. Hassan Ali	Tazkirah
25/08 (Isnin)	Ust Ramadan	Ilmiah/Khas
26/08 (Selasa)	Ust. Hamim	Ulumul Quran
27/08 (Rabu)	Ust. Zainuddin Abu Bakar	Feqah
27/08 (Khamis)	Ust. Abdullah Osman Iragi	Hadis
29/08 (Selasa)	Ust. Nizam Kamaruzaman	Umum
30/08 (Rabu)	Ust. Mazlan Khamis	Hadis Qudsi

Muslimin/muslimat dijemput hadir bagi meningkatkan ilmu dan mengeratkan silaturrahim. Jadual di atas tertakluk kepada perubahan.

Berita Ringkas Surau Al Ulum KD9

Sumbangan Moreh dan Tazkirah Sepanjang Ramadan - Surau Al-Ulum akan mengadakan Solat Terawih bertempat di surau kita sepanjang Ramadan ini diikuti dengan Majlis Tazkirah dan Moreh serta Tadarrus Al- Quran. Semua ahli-ahli kariah adalah dipelawa untuk menaja majlis tersebut secara bersendirian, keluarga atau kumpulan mengikut kemampuan. Sila hubungi mana-mana AJK Surau untuk maksud tersebut.

Kursus Pengurusan Jenazah, telah selamat diadakan di Surau Al Ulum KD9 pada Sabtu, 2 September, 2006. Kursus selama sehari penuh ini adalah di bawah bimbingan Ust Mohamad Fauza Ali.

Program Bacaan Yaasin & Tahlil Sepanjang Tahun - Program ini disusun untuk tujuan mengimarahkan surau kita dengan bacaan Yaasin, Tahlil dan Zikir setiap hari Khamis malam Jumaat sepanjang tahun disamping menghadiahkan kepada arwah keluarga yang telah meninggal dunia. Borang penyertaan boleh didapati di Surau Al Ulum KD9.

Jualan VCD Forum/Ceramah/Kuliah di Surau Al Ulum KD9 - Sesiapa yang berminat boleh membeli CD berkenaan sambil menderma untuk tabung kewangan surau. Sesiapa yang berminat bolehlah berhubung Tn Hj Zainol Kasim di talian 012-2273137.

Ruangan Iklaneka Buletin Sinar Al Ulum - Individu/syarikat yang berminat dipelawa untuk mengiklankan produk/perkhidmatan/perniagaan masing-masing di dalam Buletin Sinar Al Ulum KD9 yang dikeluarkan setiap bulan dengan sumbangan minimum yang akan disalurkan terus ke Tabung Surau Surau Al Ulum. Yang berminat boleh hubungi Hj Mohd Ali Mungai (017-8782 844), atau mana-mana AJK Surau.